



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN SAINS , TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**YB MENTERI, DATUK DR. MAXIMUS HADIRI WOC,
CTI DI MANADO, INDONESIA**

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili telah mengadakan lawatan kerja ke Manado, Sulawesi, Indonesia pada 12-15 Mei 2009 untuk mengiringi YAB Perdana Menteri ke Sidang Kemuncak Inisiatif Segitiga Terumbu Karang atau *Coral Triangle Initiative Summit* (CTI) yang diadakan pada 15 Mei 2009. Beliau sebelumnya pada 13-14 Mei 2009 turut menghadiri Mesyuarat Peringkat Menteri bagi Coral Triangle Initiative dan Mesyuarat Tertinggi Persidangan Lautan Dunia atau World Ocean Conference (WOC).

Konsep CTI yang telah di cetuskan oleh Presiden Republik Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono semenjak 2007 adalah program dan seruan komitmen negara-negara serantau di kawasan segitiga terumbu karang yang paling tinggi biodiversitinya didunia untuk menjalin kerjasama bagi memelihara dan memulih sumber marin. WOC juga telah menarik perhatian lebih dari 3000 peserta dari 120 negara serta para NGOs dan wakil negara rakan seperti USA dan Australia untuk mengambil bahagian didalam pelbagai Mesyuarat, Persidangan, Bengkel dan Forum yang berkaitan.

Delegasi rasmi dari Malaysia yang di jemput oleh Indonesia diketuai oleh YAB Perdana Menteri yang di iringi oleh YB Datuk Menteri. Seramai 5 orang dari MOSTI, wakil dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar 3 orang, 1 dari Kementerian Luar Negeri, 1 dari bahagian Peguam Negara, 3 dari Jabatan Perikanan Sabah, 1 dari Taman Laut Sabah dan 1 dari Jabatan Perikanan Malaysia. Selain dari pihak Media dan delegasi Kedutaan Malaysia di Indonesia serta rombongan YAB Perdana Menteri, seramai 20 saintis dari Malaysia telah terlibat melalui pembentangan kertaskerja didalam *International Symposium* sempena WOC tersebut.

Sidang Kemuncak CTI yang membabitkan 6 negara anggota (CT6) iaitu Malaysia, Indonesia, Filipina, Papua New Guinea, Kepulauan Solomon dan Timor Leste telah di

hadiri oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dimana majlis ucapan khas dan upacara menandatangani *CTI Leaders Declaration* tanda menyokong inisiatif tersebut telahpun diadakan.

Berucap semasa Sidang Kemuncak CTI, Perdana Menteri berkata, Malaysia akan menyumbang USD 1 Juta untuk Inisiatif Segitiga Terumbu Karang (CTI) peringkat nasional yang bertujuan untuk menyelamatkan hidupan marin di kawasan perairan "*amazon of the ocean*". Walaupun kawasan Malaysia yang terlibat adalah kecil (Pantai Timur Sabah) berbanding dengan jumlah kawasan keseluruhan Segitiga Terumbu Karang tetapi ia akan menyokong program perlindungan dan pemulihan sumber marin. Menurut Najib, projek ini adalah sebagai bukti komitmen Malaysia menyahut seruan antarabangsa untuk turut serta memainkan peranan utama bagi menguruskan sumber maritimnya secara mampan dalam usaha membendung ancaman kepada perikanan, taman-taman laut dan perubahan iklim dunia.

Dalam ucapan beliau, Najib telah mengulas mengenai Ekspedisi Pelayaran Saintifik Perdana 2009 (EPSP '09) yang akan dilancarkan pada 15 Jun ini. Pelayaran selama 52 hari bagi saintis Malaysia menggunakan kapal KD Perantau tersebut adalah merupakan kerjasama di antara Direktorat Oseonografi Kebangsaan di MOSTI dan Tentera Laut Diraja Malaysia di sertai oleh universiti-universiti tempatan. EPSP '09 bertujuan untuk menjalankan pelbagai kajian samudera yang melibatkan pengumpulan data fizikal, biologikal, geologikal dan kimia; termasuk pemetaan terumbu karang, flora dan fauna marin, mamalia marin, ikan-ikan dan invertebra yang menghuni samudera Malaysia di Laut China Selatan, Laut Sulu dan Sulawesi iaitu kawasan CTI dan perairan Malaysia.

Sidang Kemuncak CTI dan WOC tersebut telah membincangkan enam agenda utama iaitu Perubahan Iklim Global, Biodiversiti Marin Mega, Perkhidmatan dan Industri Maritim, Mengurangkan Risiko Pantai dan Marin, Lautan sebagai Perbatasan Masa Depan dan Pengurusan Lautan dan Pantai bersepadu. Selain dari itu, perbincangan berkenaan pemantauan marin global, geologi dan geofizik marin, pelancongan marin, terumbu karang, pembiakan dan pengurusan ikan dan pengurusan pulau-pulau kecil telah turut diadakan.




Sidang Kemuncak Segitiga Terumbu Karang (Coral Triangle Initiative) dan Persidangan Lautan Sedunia (WOC) 2009 di Manado, Sulawesi mengumpulkan 6 ketua-ketua negara CTI termasuk 120 negara maritim yang lain.



Menteri- menteri Negara Maritim menghadiri Mesyuarat Tertinggi Persidangan Lautan Dunia (WOC) sempena Sidang Kemuncak Inisiatif Segitiga Terumbu Karang (CTI) yang diadakan di Pusat Konvensyen Grand Kawanua Manado, Sulawesi Utara, Indonesia.



Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak sedang berucap di Sidang Kemuncak Inisiatif Segitiga Terumbu Karang (CTI) di Dewan Grand Kawana, Manado. Turut hadir Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Maximus Johnity Ongkili.





YB Datuk Minister of MOSTI with the Minister from Philippines

Last updated 19 May 2009 by UKK/NOD